



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 300-6/125 JLD.2/(6)

Tarikh : 12 Jun 2015

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan-badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah , Pejabat Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN PENGGUNAAN LEJAR SUBSIDIARI PINJAMAN PENDAHULUAN KENDERAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lejar Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Kenderaan kini tersedia. Lejar Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Kenderaan ini merupakan penyata yang mengandungi butiran dan status bayaran balik peminjam pendahuluan kenderaan kerajaan negeri. Lejar ini disediakan untuk memudahkan Pegawai Pengawal mengenalpasti pegawainya yang mempunyai pinjaman pendahuluan kenderaan di Jabatan/Kementerian.



RUJUKAN: 300-6/125 JLD.2/(6)

TARIKH:12 JUN 2015

**TAJUK: PEMBERITAHUAN PENGGUNAAN LEJAR SUBSIDIARI
PINJAMAN PENDAHULUAN KENDERAAN**

3. Bermula dari Lejar **bulan April 2015** dan bulan seterusnya, pihak JBNS akan mengemukakan Lejar ini bersama –sama dengan Lejar bulanan Perbendaharaan Pinjaman Pendahuluan Kenderaan setiap bulan untuk disesuaikan dengan Buku Daftar Pendahuluan Kenderaan[JBN.29] Jabatan/Kementerian.
4. Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memastikan butiran dalam Lejar Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Kenderaan adalah sama dengan butiran dalam Buku Daftar Pendahuluan Kenderaan[JBN.29] Jabatan/Kementerian.
5. Selain daripada itu, ingin dimaklumkan juga bahawa untuk menyediakan Lejar pinjaman pendahuluan kenderaan bagi peminjam yang baru, Jabatan Bendahari Negeri akan menyediakan **Kod Akaun Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Kenderaan**. Kod ini juga merupakan **Nombor Akaun Peminjam Pendahuluan Kenderaan**. Kod Akaun Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Kenderaan hendaklah digunakan apabila menyediakan baucer bayaran pinjaman pendahuluan kenderaan.
6. Jika terdapat sebarang pertanyaan, YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh berhubung terus dengan Penolong Bendahari Negeri(PBN/PAA) atau Akauntan/PAA melalui talian terus 088-252279/088272521.

Sekian, terima kasih dan harap maklum.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’



(CHUI NGET NGO)

Bendahari Negeri